



05-4506632



post@kibb.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuaniku Baiman
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaBaiman



psibupsi

**SEJAUH MANAKAH PENGGUNAAN KAEDAH BERFIKIR SECARA KRITIS
DAN KREATIF (KBKK) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SENAWANG,
NEGERI SEMBILAN.**

AKBAR BIN AMRAN



05-4506632



post@kibb.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuaniku Baiman
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaBaiman



psibupsi

Projek ini dikemukakan
bagi memenuhi syarat untuk penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik

Fakulti Seni Dan Muzik
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2008



05-4506632



post@kibb.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuaniku Baiman
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaBaiman



psibupsi

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khasnya ditujukan kepada YM. Raja Azuan Nahar b. Raja Adnan selaku penyelia yang banyak mencurahkan ilmu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya sehingga dapat menyempurnakan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Tan Bee Chu, Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme Perguruan, Institut Perguruan Raja Melewar, Seremban yang telah membantu saya dalam penyediaan cadangan kajian dan memberikan pandangan dan cadangan dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga dicapkan kepada guru besar serta para peserta kajian yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Kebangsaan Senawang, Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga yang disayangi dan rakan-rakan atas dorongan dan sokongan yang diberikan sehingga dapat menyempurnakan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana unsur-unsur Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) wujud dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik tahun satu hingga tahun lima di Sekolah Kebangsaan Senawang, Negeri Sembilan. Skop kajian ditumpukan kepada adakah guru mengaplikasikan unsur-unsur KBKK dalam apa-apa langkah pengajaran dan pembelajaran seperti dalam langkah pengenalan, penyampaian isi pengajaran, aktiviti dan langkah penutup. Kajian juga meninjau adakah unsur KBKK seperti penerokaan dan penemuan, mereka cipta dan mengimprovisasi diaplikasikan dalam bahagian aktiviti pengajaran. Hasil kajian mendapati bahawa pengaplikasian KBKK adalah rendah dan hampir tiada langsung dalam pengaplikasian unsur penerokaan dan penemuan, mereka cipta dan mengimprovisasi. Kesemua guru yang ditemu bual bersetuju pengaplikasian KBKK boleh merangsang minat pelajar dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna namun mereka belum dapat melaksanakan pengajaran KBKK secara berkesan kerana tidak menguasai KBKK ini sepenuhnya. Mereka sentiasa berharap agar pihak-pihak tertentu dapat meningkatkan kursus-kursus KBKK ini kepada mereka. Kesimpulannya ketidakupayaan mengendalikan pengajaran secara KBKK bukan atas faktor sikap negatif guru tetapi disebabkan mereka tidak mendapat pendedahan yang sempurna mengenainya.

ABSTRACT

**How Effectively Critical and Creative Thinking Skills (KBKK) is
Implemented in Teaching and Learning Music Education in
Sek. Ren. Keb. Senawang, Negeri Sembilan.**

The purpose of the study is to discover how far is and Critical and Creative Thinking Skills (KBKK) is implemented in the learning process of Pendidikan Muzik, varies from year one to year five at Sek. Ren. Keb. Senawang, Negeri Sembilan. The scope of this study is focused weather the teacher involved implemented KBKK elements in the teaching process such as in introduction, delivery contents, activities and conclusion. This research oversee whether KBKK element such as exploration and discovery, creation and improvisation is apply to any part teaching activities. Finding of this research shows that implementation of the KBKK in teaching is very low and nearly not implemented at all in exploration and discovery, creation and improvisation. The respondents agreed that application of KBKK in the learning process will be more meaningful, but lack of knowledge and experience in KBKK does affect in KBKK used in teaching and learning process. All the respondents hope that the Education Department will organized more course on KBKK. This research recommends that the lack of used KBKK in the teaching process is not because of teacher themselves but they are not give enough input of the KBKK implementation in the learning and teaching process.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI GAMBAR RAJAH	xi
SENARAI JUDUAL	xii
SINGKATAN	xv

Bab

1.	PENGENALAN	
1.0	Latar belakang	1
1.1	Pernyataan masalah	6
1.2	Objektif kajian	8
1.3	Persoalan kajian	10
1.4	Kesignifikan kajian	10
1.5	Batasan kajian	12
1.6	Definisi operasional	

1.6.1	Berfikir	12
1.6.2	Kemahiran	13
1.6.3	Kritis	13
1.6.4	Kreatif	13
1.6.5	Pengajaran dan pembelajaran	14
1.7	Pendekatan teori	15
1.8	Hipotesis kajian	17
2.	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Literasi kreatif di Malaysia	18
2.3	Perkembangan pemikiran kreatif	19
2.3.1	Peringkat perkembangan pemikiran kreatif sepanjang sekolah rendah	20
2.4	Kepentingan pengaplikasian KBKK	22
2.5	Kemahiran berfikir	25
2.5.1	Pemikiran kritis	28
2.5.2	Pemikiran kreatif	30
2.6	Mereka cipta, penerokaan dan penemuan, mengimprovisasi	31
2.6.1	Mereka cipta	31
2.6.2	Penerokaan dan penemuan	32
2.6.3	Mengimprovisasi	33
2.7	Kesimpulan	35

3. METADOLOGI

3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk kajian	36
3.3	Tempat kajian	37
3.4	Subjek kajian	
3.4.1	Populasi kajian	37
3.4.2	Pemilihan sampel	37
3.5	Alat kajian	38
3.5.1	Temu bual	39
3.5.2	Soal Selidik	39
3.5.3	Pemerhatian	40
3.6	Prosedur kajian	44
3.7	Pengurusan dan analisis data	45
3.7.1	Pengkodan dan rekod data	45
3.8	Rumusan	45

4. PENGANALISISAN DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	46
4.2	Dapatan daripada temu bual	47
4.2.1	Tema 1 : Respon pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Muzik	48
4.2.2	Tema 2 : Kefahaman tentang berfikir secara kritis dan kreatif.	48

4.2.3 Tema 3 : Komen tentang pengaplikasian

KBKK dalam P&P 49

4.2.4 Tema 4 : Cara pengaplikasian KBKK dalam P&P 49

4.2.5 Tema 5 : Kefahaman tentang penerokaan dan penemuan, mengimprovisasi, dan mereka cipta. 50

4.2.6 Tema 6 : Pandangan atau saranan dalam membaiki mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. 50

4.3 Dapatan daripada soal selidik 51

4.4 Dapatan daripada pemerhatian 59

4.5 Kesimpulan 59

5. PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan 60

5.2 Impilkasi 63

5.2.1 Guru dan pelajar. 63

5.3 Cadangan 64

5.4 Kesimpulan 66

BIBLIOGRAFI 68



SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Soalan temu bual berstruktur.
- Lampiran B : Soal selidik Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK)
- Lampiran C : Borang pengesahan bahasa soalan temubual dan soal selidik.
- Lampiran D : Senarai semak pengaplikasian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan kreatif.
- Lampiran E : Surat kebenaran Menjalankan kajian. (Bahagian Perancangan dan penyelidikan Dasar Pendidikan)
- Lampiran F : Jadual waktu mengajar responden.





SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah	Muka surat
1.1 Ringkasan objektif kajian	9
2.1 :Model Kemahiran Berfikir	26
2.2 : Kedudukan improvisasi dalam pengajaran dan pembelajaran.	34



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 : Kebolehan tingkat kreativiti manuasiasia menugikut usia.	22
2.2 : Petunjuk Kemahiran Kritis	27
2.3 : Petunjuk Pemikiran Kreatif	30
2.4 : Contoh kepelbagaian aktiviti reka cipta.	32
3.1 : Jadual bilangan kelas mengajar setiap responden.	38
3.1 : Senarai semak pengaplikasian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif	40
3.2 : Petunjuk Kemahiran Kritis	41
3.3 : Petunjuk Pemikiran Kreatif	43
4.1 : Analisa kekerapan unsur berdasarkan tema dan sub-tema semasa temu bual dengan peserta kajian.	47
4.2 : Bilangan dan peratusan mengikut latar belakang peserta kajian	52
4.3 : Analisa kefahaman peserta kajian tentang KBKK	54
4.4 : Analisa tahap kefahaman peserta kajian tentang unsur penerokaan dan penemuan, mereka cipta dan mengimprovisasi	56
4.5 : Analisa pengaplikasian kemahiran berfikir dalam P&P.	57
4.6 : Senarai semak pengaplikasian penerokaan dan penemuan, mereka cipta dan mengimprovisasi dalam menjalankan aktiviti P&P.	58
4.7 : Senarai semak pengaplikasian penerokaan dan penemuan, mereka cipta dan mengimprovisasi dalam menjalankan aktiviti P&P.	57

SENARAI SINGKATAN

ABM :	Alatan Bantu Mengajar
KB :	Kemahiran Berfikir
KBKK :	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KBSR :	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KLSR :	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
MARA:	Majlis Amanah Rakyat
PK1 :	Peserta kajian pertama
PK2 :	Peserta kajian kedua
PK3 :	Peserta kajian ketiga
PK4 :	Peserta kajian keempat
PK5 :	Peserta kajian kelima
P&P :	Pengajaran dan Pembelajaran
PPK :	Pusat Perkembangan Kurikulum
UPSR :	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah adalah untuk semua pelajar di sekolah rendah. Program pembelajaran yang disediakan direka bentuk untuk memberi peluang pelajar menikmati unsur estetik dalam muzik dan pada masa yang sama, memperoleh pengetahuan dan kefahaman konsep muzik. Di samping itu pelajar juga mendapat pengalaman muzik yang memadai bagi mencetus dan memperkembang minat dan bakat mereka dalam seni muzik. Kandungan mata pelajaran ini meliputi aspek persepsi estetik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif, dan penghargaan estetik. Mata pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mempunyai objektif bagi membolehkan pelajar:

- 1 .Mengetahui dan memahami konsep unsur-unsur asas muzik dan termenologi muzik
2. Mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik
3. Membaca dan menulis muzik.
4. Mengetahui dan memahami teknik menyanyi.
5. Memperkembang kemahiran menyanyi dengan mengamal teknik yang betul.
6. Memahami dan mengetahui kemahiran bermain alat muzik
7. Memperkembang kemahiran bermain alat muzik dengan teknik yang betul.
8. Memperkembang ekspresi diri dan daya kreatif.

9. Memperkembang daya penghargaan estetik terhadap karya dan persembahan muzik.
10. Menghargai pelbagai jenis muzik Malaysia serta budaya yang berkaitan dengannya.
11. Mengamalkan nilai kerjasama dalam pasukan, sikap positif dan ingin mencuba.

(Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Rendah, 2002)

Kemahiran berfikir (KB) telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan dikenali sebagai kemahiran berfikir kritis dan kreatif. (KBKK). Beberapa dokumen khusus bagi memantap pelaksanaan KB telah dihasilkan untuk beberapa mata pelajaran. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah digubal menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) yang mana kemahiran berfikir merupakan unsur utama yang perlu ada di dalam setiap pengajaran. Sistem Pendidikan di Malaysia mencari dan mengubah paradigma dari satu yang konvensional kepada yang lebih praktikal sejajar dengan era globalisasi. Sesuai dengan perubahan itu elemen kemahiran berfikir telah diperkenalkan dalam reformasi pendidikan pada awal 1993 bertujuan dapat memenuhi cabaran keenam dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, masyarakat yang inovatif dan memandang jauh ke hadapan. Selain itu juga melahirkan masyarakat yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, malah memberi sumbangan kepada kemajuan teknologi masa depan.



Pendidikan yang berkualiti amat penting bagi mencorakkan perubahan dan kemajuan pembangunan sumber tenaga manusia yang produktif di negara ini yang sedang mengorak langkah mencapai status negara maju. Sebagai sebuah negara yang berkembang pesat dalam pelbagai aspek pembangunan, sektor pendidikan perlu berkembang dan mengalami perubahan anjakan paradigma yang dapat merintiskan alaf baru dalam segala aspek. Tenaga pengajar iaitu guru yang terlibat secara langsung dalam wawasan ini merupakan tonggak utama yang bisa menentukan jaya atau gagal sesuatu gagasan dalam pendidikan.

“School teacher play a crucial role in making the environment right for creativity, by sowing the seeds of creativity in the Asian Classroom”

(Ng Aik Kwang, 2004)

Berdasarkan petikan di atas adalah amat mustahak diingat bahawa golongan pendidik di negara ini perlu sentiasa menghidupkan motivasi diri dengan menguatkan keazaman dan sedia menghadapi cabaran-cabaran baru, disamping meningkatkan kewibawaan keilmuan mereka sebagai golongan pendidik yang dihormati dan disanjung oleh murid, ibu bapa dan masyarakat. Budaya mengajar yang bersifat usang, tradisional dan kurang berkesan menangi masalah asas pendidikan di sekolah adalah masalah yang memerlukan perhatian serius. Guru yang tidak inovatif, kreatif serta buta ilmu merupakan duri dalam daging yang boleh menggagalkan apa-apa sahaja matlamat pendidikan. Menjurus kepada guru-guru Pendidikan Muzik di sekolah rendah, mereka sebenarnya tidak terlepas daripada tanggungjawab ini. Walaupun mata pelajaran ini bukanlah satu mata pelajaran teras yang termasuk dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) namun mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran wajib yang semestinya mendapat



layanan yang sama dari pelbagai aspek seperti aspek pengajaran dan pembelajaran, persepsi pelajar, guru-guru mata pelajaran lain, pihak pentadbir sekolah malah persepsi guru mata pelajaran Pendidikan Muzik itu sendiri.

Menurut kajian yang dijalankan kepada beberapa sampel guru muzik sekolah rendah, Guru Besar, Penolong Kanan, pegawai Jemaah Nazir, Penyelia Muzik negeri, pensyarah-pensyarah maktab perguruan, para pelajar dan ibu bapa di seluruh Malaysia oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2000), antaranya mendapati hanya 50%- 55% sahaja daripada guru muzik yang berjaya melaksanakan pengajaran mereka dalam aspek-aspek mewujudkan pengajaran kondusif, pengurusan alat-alat muzik serta pendekatan yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Dapatan keduanya pula ialah terdapat peratusan yang tinggi bahawa murid mempersepsikan Pendidikan Muzik membantu membina kebolehan dan bakat, meningkatkan pencapaian dan guru amat membantu menggalakkan mereka meminati muzik. Jika dihalusi dapatan pertama dan kedua ini jelas menunjukkan bahawa murid-murid bertindak positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Muzik namun ada beberapa perkara yang menjadi punca mengapa pengajaran dan pembelajaran tidak mencapai objektifnya. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa antara puncanya ialah guru gagal meningkatkan kemahiran pelajar mendengar dan mengenal notasi muzik, gagal memupuk semangat berusaha, berdisiplin, berkeyakinan tinggi, bertoleransi, berkerjasama, gagal



meningkatkan kebolehan pelajar mengenal dan menghargai jenis muzik tanah air, gagal memperkembangkan kreativiti, nilai estitika dan ekspresi diri pelajar.

Justeru, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) merupakan unsur yang diberikan penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata-mata pelajaran lain di bilik darjah bagi menjamin objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) tercapai. Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah memberi pendedahan kepada guru-guru tentang kaedah perlaksanaan unsur tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Usaha tersebut dijalankan dengan giatnya di peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat sekolah sejak tahun 1994.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik unsur KBKK sebenarnya telah lama wujud melalui unsur-unsur teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Cuma dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan unsur tersebut tidak begitu jelas dan semakin terabai. Memandangkan KBKK adalah unsur penting yang dapat menghasilkan pelajar yang berilmu serta berfikiran kritis dan kreatif, maka ia perlu diberi penekanan semula supaya matlamat menghasilkan pelajar dan seterusnya rakyat yang berketrampilan dapat dicapai. Sehubungan itu kajian ini dibuat untuk melihat sejauh mana kefahaman KBKK dalam kalangan guru-guru Pendidikan Muzik dan meninjau sejauh mana pengaplikasian unsur-unsur KBKK dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.



1.2 Pernyataan masalah

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang ke arah kehormonian dan kemakmuran negara. Kurikulum tersebut diterjemahkan kepada sukatan pelajaran yang bermatlamat membina dan memperkembang lagi potensi pelajar dari segi kreativiti dan daya apresiasi muzik.

Guru yang kreatif akan mendorong pelajar menjadi kreatif. Namun rata-rata ini bukanlah trait yang ada pada kebanyakan guru-guru kita. Sebuah kajian oleh Chua yang dijalankan pada tahun 1998, menunjukkan bahawa guru yang mengajar seni lukisan yang sepatutnya kreatif dan menggalakkan kreativiti dalam kalangan pelajar didapati sebenarnya kurang kreatif dan tidak menggalakkan hasil seni kreatif (Sharifah, 2000).

Justeru itu komitmen untuk menggalakkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif telah menjadi satu agenda utama pendidikan di Malaysia. Para pendidik bersetuju bahawa KBKK dapat dipertingkatkan dalam kalangan pelajar melalui proses pengajaran secara eksplisit yang menggunakan situasi harian sebagai konteks pembelajaran. Pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran telah direka bentuk untuk membantu perkembangan kemahiran berfikir kritis dan kreatif (Costa, 1993). Malangnya setelah hampir tiga tahun usaha dijalankan, berdasarkan laporan kajian yang di buat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia 1997, kualiti pengajaran mata pelajaran Pendidikan Muzik masih tidak bermaya, dikatakan

kurang memuaskan pada keseluruhannya kerana diperhatikan aktiviti di dalam kelas didapati kurang menarik dan kurang merangsang minat pelajar.

Menurut laporan itu lagi 40%-60% sahaja guru muzik menilai muzik mereka mencapai objektifnya, iaitu memperkembang kebolehan kreativiti, nilai estitika dan ekspresi diri serta menikmati muzik dalam kalangan pelajar-pelajar.

Melihat daripada peratusan itu, ini bermakna P&P yang dijalankan oleh guru tersebut ternyata gagal mencapai matlamatnya. Laporan ini dibuat pada tahun 1997 manakala implimentasi KBKK kepada semua mata pelajaran adalah pada tahun 1994 lagi. Dalam kajian ini pengkaji mahu meninjau berkemungkinan pengaplikasian KBKK yang rendah dalam kalangan guru-guru Pendidikan Muzik telah menyumbang kepada ketidakberkesanan P&P yang mereka jalankan.

Oleh kerana muzik merupakan medium bagi meluahkan perasaan, fikiran dan imiginasi, mata pelajaran ini sangat berperanan dalam usaha membina kreativiti murid. Ke arah itu, sukatan pelajaran yang disediakan mengambil kira peluang murid melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan dan penemuan, improvisasi dan mereka cipta.

(Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Seklah Rendah 2002)

Jelas petikan di atas menggambarkan bahawa kementerian pelajaran memberi penekanan yang serius dalam aspek kemahiran berfikir khususnya yang boleh diaplikasikan sewaktu menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun berapa ramaikah dalam kalangan guru-guru muzik mengaplikasikan unsur penerokaan dan

penemuan, mengimprovisasi dan mereka cipta ini dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran?

1.2 Objektif kajian

1.3.1 Objektif umum

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana unsur-unsur Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) wujud dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah Kebangsaan Senawang.

1.3.2 Objektif Khusus

Objektif-objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Melihat tahap pengetahuan guru Pendidikan Muzik tentang unsur-unsur Kemahiran Berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.
2. Melihat kehadiran unsur-unsur Kemahiran Berfikir dalam penyampaian keseluruhan pengajaran, iaitu dalam aspek:
 - a. Set induksi
 - b. Penggunaan bahan bantu mengajar.
 - c. Aktiviti dan gerak kerja di dalam kelas.

3. Melihat kehadiran unsur penemuan dan penerokaan, mereka cipta dan mengimprovisasi dalam menjalankan aktiviti dan gerak kerja di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

Gambar rajah 1.1 : Ringkasan objektif kajian





1.3 Persoalan kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa persoalan kajian dapat dibina iaitu:

1. Sejauh manakah pengetahuan guru-guru Pendidikan Muzik sekolah yang dikaji tentang unsur-unsur Kemahiran Berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik?
2. Adakah set induksi pengajaran menampakkan perkaitan dengan unsur-unsur Kemahiran Berfikir pelajar?
3. Adakah alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru benar-benar membantu pengajaran dan pembelajaran.
4. Adakah aktiviti yang dijalankan menerapkan unsur-unsur Kemahiran Berfikir dalam kalangan pelajar?
5. Adakah aktiviti yang dijalankan itu mengandungi unsur penemuan dan penerokaan, mereka cipta dan mengimprovisasi kepada pelajar?

1.4 Kesignifikanan kajian

Pendidikan muzik merupakan medium bagi meluahkan perasaan, fikiran dan imaginasi, mata pelajaran ini sangat berperanan dalam usaha membina kreativiti pelajar. Ke arah itu sukatan yang disediakan mengambil kira peluang melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan dan penemuan, improvisasi, dan mereka cipta. Oleh yang demikian usaha





hendaklah ditumpukan ke arah memberi peluang pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menggembirakan serta memberi pengetahuan dan pengalaman dengan berkesan. Pelajar melibatkan diri dengan cara mendengar, memerhati, melakukan, mencipta dan membuat refleksi sama ada secara individu atau berkumpulan. Dalam hal yang demikian, guru sangat berperanan dalam menentukan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Huraian Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, (2002).

Menyedari betapa pentingnya inisiatif guru dalam mencorakkan P&P ke arah ruang lebih berkesan maka Kementerian Pendidikan mencadangkan pengaplikasian KBKK ini sebagai satu kaedah pengajaran yang perlu para guru jalankan. Hal ini penting dalam dunia pendidikan kerana kaedah ini dapat melahirkan sebuah citra masyarakat kreatif dan Negara kreatif (Mohd Azhar, Mohd. Nasir, Othman, 2006).



Di negara kita potensi bagi melahirkan manusia yang kreatif dan inovatif ini terpancar dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta pengaplikasiannya dalam pedagogi dan kurikulum mata pelajaran. Justeru, dalam kajian ini akan dikaji tahap pengetahuan guru Pendidikan Muzik tentang unsur-unsur kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini akan dapat memberikan gambaran tentang keadaan sebenar tahap pengaplikasian KBKK dalam pengajaran mereka. Hal ini akan membantu pihak pengurusan sekolah dalam membuat perancangan bagaimana meningkatkan pengaplikasian KBKK dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik dan mata pelajaran lain. Dapatan kajian juga dipercayai berguna mengembalikan kesedaran kepada pembaca





khususnya para guru merenung kembali kaedah yang digunakan dalam memaksimumkan hasil pengajaran mereka.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan persampelan yang amat terbatas iaitu hanya mengkaji lima orang guru muzik. Pengumpulan data dalam kajian ini juga hanya berpandukan dapatan soalan pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Berkaitan dengan instrumen yang digunakan untuk sebagai alat ukur dalam kajian ini disesuaikan dengan guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah rendah sahaja kerana soalan di dalam soal selidik tersebut amat mudah bahasanya dan banyak mengandungi soalan yang tertutup di dalam soalan temu bual. Kesimpulannya hasil dapatan kajian ini sudah tentulah tidak mewakili daripada keseluruhan guru-guru muzik di Daerah Seremban atau di Negeri Sembilan.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Berfikir

Menurut Kamus Dewan (1998), istilah berfikir lahir daripada kata dasar fikir yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal, anggapan dan sangkaan. Manakala berfikir bermaksud menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu dan sebagainya. Berfikir adalah suatu 'perbuatan' atau 'tindakan' yang berlaku dalam minda seseorang (Mohd





Azhar *et al.* 2006). Vincent Ryan Ruggiero dalam bukunya 'The Art Of Thinking'(2004) mendefinisikan berfikir sebagai sebarang aktiviti mental yang begitu aktif membuat kesimpulan atau menyelesaikan masalah, membuat keputusan, dan keinginan untuk memahami sesuatu perkara.

1.7.2 Kemahiran

Mahir bermaksud terlatih untuk mengerjakan sesuatu. Kemahiran pula ialah bermaksud kecekapan dan kepandaian (Kamus Dewan, 1999).

1.7.3 Kritis

Kamus Dewan (1994), memberi makna kritis sebagai tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu), bersifat mengkritik iaitu tidak menerima bulat-bulat apa yang diterima. Berfikir secara kritis pula merujuk kepada keupayaan melihat kesilapan, kelemahan dan kecacatan pada cara-cara berfikir seseorang atau pada idea dan cadangan yang dikemukakan (Ainon Mohd, Abdullah Hassan, 2005).

1.7.4 Kreatif

Kreatif bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli, atau dengan kata lain kemampuan mencipta





sesuatu yang baru. Kreatif ialah kata nama bagi suatu bentuk pemikiran yang luar biasa dan bertentangan dengan pemikiran biasa yang logik (Mohd Azhar *et al.* 2006).

Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam konteks kajian ini ialah usaha guru dalam mewujudkan kemahiran meningkatkan operasi minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar. Akhirnya pelajar-pelajar dapat mencapai hasil yang maksimum daripada pemikiran itu.

1.7.5 Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Manakala pembelajaran pula ialah aktiviti mental dan fizikal serta rohani kepada diri pelajar itu sendiri. Ianya adalah proses individu dapat mengubah sikap dan tingkahlaku mereka supaya berkembang secara berterusan dan tekal serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi bagi kemajuan diri sendiri khususnya dan masyarakat amnya. (Shahabudin Hasyim, Dr. Rohizani, Mohd. Zahir Ahmad, 2003)

Pengajaran muzik merujuk kepada proses penyampaian isi pelajaran oleh guru kepada pelajar-pelajarnya. Pembelajaran muzik pula merupakan perubahan tingkahlaku pelajar tentang kandungan muzik yang dipelajari hasil daripada penglibatan mereka dalam proses pengajaran yang berlangsung di bilik darjah. Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik ialah untuk membolehkan pelajar-pelajar menguasai



sesuatu kemahiran atau beberapa kemahiran dalam Pendidikan Muzik. Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran yang dimaksudkan adalah meliputi semua kemahiran yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Rendah iaitu memberi tumpuan kebolehan pelajar mengetahui konsep muzik, pembinaan kemahiran muzik dan penerapan nilai.

1.8 Pendekatan Teori

Banyak teori pengajaran atau gabungan beberapa teori yang diguna pakai dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya teori pembelajaran Behaviorisme yang banyak mempengaruhi corak pendidikan di negara kita. Pendokong teori ini iaitu B.F. Skinner, John B. Watson dan Edward Thorndike amat berminat dengan tingkah laku yang membolehkan diperhatikan hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Teori ini kurang memberi fokus kepada proses-proses mental. Manakala pendekatan kognitivisme yang banyak berdasarkan psikologi Gestalt lebih mementingkan segala proses mental yang wujud atau berlaku dalam akal fikiran manusia. Semua idea dan imej dalam minda manusia diwakili melalui struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema akan menentukan bagaimana data dan maklumat yang diterima oleh minda manusia. Jika maklumat ini secocok dengan skema yang ada, maka pelajar akan menyerap maklumat tersebut ke dalam skema ini. Sekiranya tidak secocok dengan skema yang ada, maklumat ini mungkin ditolak atau diubah suai. Kedua-dua pendekatan ini memang biasa diaplikasikan dalam P&P. Namun guru sekarang berhadapan dengan tugas



yang lebih mencabar daripada itu iaitu merangsang seterusnya memperkembangkan minda dan bakat pelajar.

Dalam penulisan ini pengkaji mahu membincangkan perkaitan teori pengajaran konstruktif dalam memberi penekanan betapa pentingnya guru menjalankan aktiviti yang merangsang pemikiran kreatif pelajar. Konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Teori konstruktivisme menyatakan bahawa pelajar membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang mereka telah fahami sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi tentang interaksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka maka mereka akan sama ada menginterpretasi apa yang mereka lihat supaya secocok dengan peraturan yang mereka telah bentuk atau mereka akan menyesuaikan peraturan mereka agar dapat menerangkan maklumat baru ini dengan lebih baik (Brooks & brooks, 1993 dalam Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001, ms 7) Teori ini memandang bahawa pengetahuan bukanlah bersifat ojektif. Pengetahuan itu berkembang dan bersifat dinamik, berubah-ubah dan tidak menentu. Teori ini menekankan kepada pelajar untuk memanipulatif pengetahuan kepada yang lebih kreatif. Jawapan yang diperlukan oleh pelajar bukan betul dan salah, namun dalam teori ini apa yang penting pelajar dapat memberi makna dalam jawapan mereka.. Ini jelas





menunjukkan bahawa teori ini mempunyai perkaitan dan panduan bahawa pembelajaran lebih hidup jika suasananya diberi nyawa yang lebih menarik dan tidak bersifat objektif sahaja.

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat pengaplikasian beberapa unsur KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran namun pengaplikasian itu tidak dijalankan dengan penuh kesedaran dalam kalangan guru-guru muzik. Terdapat juga dalam kalangan guru-guru yang kurang memahami dalam cara mengaplikasian kemahiran berfikir ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Unsur seperti mereka cipta, penerokaan dan penemuan serta mengimprovisasi juga didapati tidak difahami oleh guru dalam menjalankan aktiviti muzik apatah lagi dalam melaksanakannya dalam aktiviti pembelajaran tersebut.

